

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM DAN SAND TOWN SOLAR TANDATANGAN PERJANJIAN PEMBIAYAAN RM91.5 JUTA LADANG FOTOVOLTA SOLAR DI PERAK

Sokongan kepada usaha peralihan tenaga negara menerusi mekanisma Susunan Penghantaran Baharu yang Dipertingkatkan (NEDA)

KUALA LUMPUR, Rabu [28 Februari 2024]: Peneraju perbankan Islam di Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), hari ini menandatangani perjanjian pembiayaan bernilai RM91.5 juta dengan Sand Town Solar Sdn Bhd (STS).

STS merupakan anak syarikat milik penuh Kumpulan Gading Kencana Sdn Bhd (GKSB), sebuah syarikat perkhidmatan tenaga boleh baharu termasuk dalam rekaan dan pemasangan sistem fotovoltaik solar, pemasangan dan penyelenggaraan sistem elektrik, sistem pengurusan tenaga.

STS, sebuah syarikat bertujuan khas (*Special Purpose Vehicle*) bagi projek ladang fotovoltaik (PV) solar berkapasiti 29.99 megawatt (MW) di Bidor, Perak, membekalkan tenaga elektrik yang dijana ke Tenaga Nasional Berhad di bawah mekanisma Susunan Penghantaran Baharu yang Dipertingkatkan (NEDA).

Pembiayaan daripada Bank Islam akan dimanfaatkan bagi memenuhi perbelanjaan modal yang diperlukan STS termasuk pembiayaan semula tanah dan kos pembangunan ladang PV solar 29.99 MW tersebut.

Pemeteraian perjanjian telah disempurnakan oleh Ahmad Haliman Abd Halim, Pengarah, Penyelesaian Pelanggan Komersial, Perbankan Institusi Bank Islam dengan Dato' (Dr) Ir. Muhamad Gunter Mansor Tobeng, Pengarah Urusan Kumpulan GKSB.

YAB Dato' Sri Haji Fadillah Yusof Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia; Dato' Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam dan Datin Hasnah Awang, Pengarah Eksekutif STS turut menyaksikan pemeteraian perjanjian tersebut.

Menerusnya, Bank Islam menjadi insitusi perbankan Islam pertama yang menyediakan kemudahan pembiayaan untuk syarikat persendirian di bawah NEDA.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam amat berbesar hati kerana menjadi sebahagian daripada usaha yang seiring dengan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan memacu

pelaburan dalam sektor tenaga boleh baharu (RE). Pembiayaan ini akan menyokong usaha peralihan tenaga Malaysia, daripada penjanaan tenaga berdasarkan bahan bakar fosil dan arang batu kepada sumber RE seperti tenaga solar. Usaha ini juga akan mendorong penggunaan penyelesaian yang bersifat mesra alam dan menyumbang kepada ekonomi yang lebih sejahtera dan berdaya tahan," katanya.

Beliau menambah, "Bank Islam sentiasa terbuka untuk mewujudkan lebih banyak kerjasama dengan penggiat industri dalam merealisasikan matlamat sifar bersih karbon negara menjelang tahun 2050 yang ditetapkan Kerajaan demi masa depan yang mampan bagi semua pihak.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Gading Kencana Sdn Bhd, Dato' (Dr) Ir. Muhamad Gunter Mansor Tobeng berkata, "Kami amat gembira kerana Bank Islam berkongsi visi dengan kami dan komited dalam menyokong pertumbuhan sektor RE menerusi penyediaan pembiayaan hijau. Perjanjian kemudahan pembiayaan yang dimeterai ini bukan sahaja mencerminkan hubungan baik antara GKSB dan Bank Islam yang terjalin sejak 2019 tetapi juga keteguhan sokongan institusi kewangan Islam terhadap sektor tenaga bersih negara. Menerusnya, kami dapat menjayakan misi untuk menyediakan tenaga bersih kepada segenap pengguna negara ini," katanya.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.